

UCAPAN PERDANA MENTERI SELAKU
PENGERUSI, MAJLIS ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA DI MAJLIS MAKAN MALAM BAGI
MENYEMBAHKAN UCAPAN SELAMAT PER-
PISAHAN KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI
PERTUAN AGONG DI MESS PEGAWAI, KEMEN-
TERIAN PERTAHANAN, KUALA LUMPUR
PADA 19HB OGOS, 1975

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan
Agong¹, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja
Permaisuri Agong².

Ampun Tuanku bcribu-ribu ampun,

Patik dan pacal-pacal sekalian Ahli-ahli Majlis Angkatan
Tentera menjunjung kasih yang amat sangat terhadap Kebawah
Duli Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong
kerana berkenan mencemar duli hadir di majlis santapan malam
yang tidak sepatunya ini.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku berdua adalah menyeri-
kan lagi majlis pada malam ini dan majlis ini tak dapat tiada
akan menjadi ingatan kepada patik-patik sekalian bagi selama-
lamanya.

Ampun Tuanku, sungguhpun majlis pada malam ini ialah untuk
menyembahkan ucapan selamat perpisahan Kebawah Duli
Tuanku, akan tetapi patik dan pacal-pacal sekalian menganggap
majlis ini sebagai peluang bagi patik-patik Ahli-ahli Majlis
Angkatan. Tentera dan pegawai-pegawai tinggi tentera menzahir-
kan taat setia yang sepenuhnya terhadap Kebawah Duli Tuanku
menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

Ampun Tuanku, semenjak Kebawah Duli Tuanku mengambil
alih sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera, banyak
perubahan telah berlaku, pertamanya dengan Perjanjian Pertahanan

¹ D.Y.M.M. Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Almarhum
Sultan Badlishah.

² D.Y.M.M. Tuanku Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Malaysia dan Britain yang ditandatangani pada tahun 1957 dahulu dan kemudian telah diubah dan digantikan pada tahun 1971 dengan satu Peraturan Pertahanan yang baru dan longgar iaitu Peraturan Pertahanan Lima Negara yang terdiri dari Australia, Britain, Malaysia, New Zealand dan Singapura.

Dengan peraturan pertahanan baru ini bermaknalah kita adalah bertanggungjawab sendiri di atas pertahanan negara ini. Kerajaan-kerajaan sahabat hanyalah dapat membantu dan memberi kerjasama di mana-mana bahagian yang difikirkan perlu. Oleh yang demikian, Kerajaan Kebawah Duli Tuanku terpaksa menambah kekuatan seluruh Angkatan Tentera kita. Senjata-senjata baru serta latihan-latihan yang moden telah diperkenalkan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera kita.

Selain dari itu, Angkatan Tentera kita telah juga bersama-sama dapat mempelajari taktik-taktik baru termasuk latihan perang di luar negeri yang menambahkan lagi mutu kebolehan dan kecakapan Angkatan Tentera kita. Segala kemajuan ini telah mengharumkan nama Angkatan Tentera negara kita di rantau ini.

Ampun Tuanku, kemajuan dan perkembangan Angkatan Tentera kita yang patik persembahkan tadi adalah kemajuan dan perkembangan yang berlangsung di seluruh cawangannya. Angkatan Tentera Darat telah menunjukkan kebolehannya menggunakan senjata-senjata baru- dan menyesuaikan diri dengan teknik-teknik latihan moden dan ini menunjukkan kepada negara bahawa mereka sentiasa berada dalam keadaan bersedia untuk menentang sebarang musuh negara.

Tentera Laut Diraja Malaysia juga tidak ketiriggalan dalam perkembangan dan permodenan ini. Di samping kapal-kapal baru dan moden, Tentera Laut juga kini menyiapkan pengkalan-pengkalannya di Lumut dan di Kuantan. Dengan adanya pengkalan-pengkalan ini di bumi Malaysia sendiri, maka Tentera Laut kita akan menjadi lebih cekap dan berdikari.

Tentera Udara Diraja pula, baru-baru ini telah dibekalkan dengan kapalterbang-kapalterbang pejuang supersonic jenis F5E. Dengan kdanya kapalterbang ini, kemampuan pertahanan udara kita tentulah akan lebih bertambah. Apa yang lebih penting ialah di bawah Pemerintahan Kebawah Duli Tuanku, Angkatan Tentera

Udara Diraja telah dapat menubuhkan satu nucleus pegawai-pegawai yang berkebolehan untuk menghadapi teknologi kapal-terbang yang moden.

Ampun Tuanku, tidaklah dapat patik hendak menyembahkan satu persatu kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Angkatan Tentera pada masa pemerintahan Kebawah Duli Tuanku kerana terlalu banyak bidang-bidang baharu yang telah diterokai oleh Angkatan Tentera kita.

Akan tetapi, di samping kemajuan-kemajuan yang telah patik sembahkan itu, di bawah pimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Tuanku yang cemerlang dan bijaksana itu telah memberi semangat yang gigih kepada Angkatan Tentera kita untuk berjuang.

Pada setiap masa dalam kita menghadapi ancaman oleh Penganas Komunis, keberanian dan kecekapan yang ditunjukkan oleh perajurit kita amatlah dibanggakan. Patik yakin dan percaya. dengan gerakan-gerakan yang dijalankan oleh perajurit kita yang dibantu oleh pasukan Polis serta dengan kerjasama rakyat jelata, serta dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuanku sendiri, maka musuh-musuh ini akan dapat dihapuskan.

Ampun Tuanku, patik suka juga menyembahkan bahawa lawatan-lawatan Kebawah Duli Tuanku ke yunit-yunit Angkatan Tentera telah memberi kesan yang amat besar kepada mereka itu, Lawatan-lawatan itu telah mengeratkan lagi perpaduan antara cawangan-cawangan Angkatan Tentera kita dan menguatkan taat setia mereka terhadap Kebawah Duli Tuanku sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan juga Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera.


Begitulah juga di bawah pimpinan Kebawah Duli Tuanku, telah dapat dieratkan kerjasama antara rakyat dan Angkatan Tentera sehingga rakyat seluruhnya menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada Angkatan Tentera kita.

Ampun Tuanku, sungguhpun masa tempoh Kebawah Duli Tuanku menjalankan tugas sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera akan berakhir, tetapi ini tidaklah bererti patik-patik dan pacal-pacal sekalian akan melupakan jasa dan budi

pekerti serta ramah mesra Kebawah Duli Tuanku semasa pimpinan Kebawah Duli Tuanku itu, tetapi akan sentiasa kekal dalam kenangan di sanubari patik-patik sekalian. Patik-patik sekalian berharap perhubungan yang rapat di antara Kebawah Duli Tuanku dengan Angkatan Tentera akan diteruskan dalam bentuk yang lain pula supaya patik-patik sekalian akan sentiasa menerima teguran dan ajaran Kebawah Duli Tuanku untuk kepentingan bangsa dan negara.

Akhir sekali, bagi pihak Majlis Angkatan Tentera, patik menjunjung kasih yang amat di atas segala pimpinan Kebawah Duli Tuanku terhadap patik-patik sekalian. Dengan berkat dan limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku, segala langkah-langkah dan keputusan-keputusan yang diambil oleh Majlis Angkatan Tentera dalam masa pemerintahan Kebawah Duli Tuanku telah dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama dengan pandangan yang jauh ke hadapan untuk kebahagiaan dan ketenteraman serta keselamatan negara kita Malaysia yang dikasihi pada masa akan datang.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang melihat sebuah cenderamata untuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung di Majlis Makan Malam Perpisahan di Mess Pegawai, Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur pada 19hb Ogos, 1975